

# KUALA LUMPUR & SELANGOR ALBINISM ASSOCIATION (KLSAA)

MENYOKONG INDIVIDU &  
KELUARGA DENGAN ALBINISM



## MENGENALI KLSAA

Persatuan Albinism Kuala Lumpur & Selangor (KLSAA) telah ditubuhkan sekitar tahun 2006. Ia diasaskan oleh Cik Maizan Mohamad Salleh yang juga merupakan seorang individu dengan albinism.

## TUJUAN KLSAA

Persatuan ini bertujuan untuk mengumpulkan seramai mungkin individu dengan albinism serta keluarga mereka. Sokongan moral dapat diberikan kepada mereka serta pelbagai ilmu yang berkaitan juga dapat dikongsi bersama.

## MENGENAI ALBINISM

Golongan orang dengan albinism mempunyai kelainan yang ketara pada warna kulit. Ia disebabkan oleh ketiadaan melanin dalam badan yang berfungsi untuk memberi warna pada kulit dan anak mata.

Ketiadaan melanin menyebabkan kulit individu dengan albinism berwarna putih dan anak mata yang kebiru-kebiruan. Individu dengan albinism juga mengalami masalah tidak tahan pada sinaran cahaya matahari dan penglihatan yang terhad.

Kedua-dua keadaan ini menyebabkan pergerakan golongan orang dengan albinism agak terbatas. Ada juga yang malu untuk bercampur dengan masyarakat kerana sering dipandang rendah atau dianggap pelik dan menakutkan.

## AKTIVITI KLSAA

Ahli persatuan KLSAA mempunyai hubungan yang erat dan sentiasa berhubung antara satu sama lain menerusi aplikasi whatsapp group. Masing-masing akan berkongsi cerita mengenai kejayaan hidup dan info-info berguna. Ada juga yang mengutarakan persoalan yang berkaitan dengan albinism untuk dibincangkan bersama.

Setiap tahun, KLSAA juga akan mengadakan perjumpaan di tempat umum untuk mengeratkan hubungan sesama ahli. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendedahkan golongan orang dengan albinism kepada masyarakat umum agar mereka tidak berasa kekok dan selesa apabila berada di tempat awam.